

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN INSIGHTS 2002
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
24 OGOS 2002

Bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya, maka dapat kita hadir bersama-sama di Majlis Perasmian Pameran Penyelidikan dan Kepakaran UiTM, yang diberi nama "Insights 2002". Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak UiTM kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pameran yang terbesar yang pernah dianjurkan oleh UiTM. Saya difahamkan bahawa segala perancangan dan persiapan untuk mengadakan pameran "Insights 2002" ini telah bermula sejak penghujung tahun lalu. Syabas saya ucapkan kepada pihak pengurusan UiTM dan seluruh warga kerja UiTM yang telah berusaha untuk mengadakan pameran ini, yang bertujuan untuk mewarwarkan kepada orang ramai tentang kepakaran dan pencapaian di kalangan para pendidik serta ketrampilan para pelajar UiTM itu sendiri.

2. Saya telah dimaklumkan bahawa di acara "Insights 2002" ini, sebanyak 66 laporan penyelidikan akan dibentangkan oleh para pensyarah UiTM yang telah menjalankan penyelidikan melalui pembiayaan biro penyelidikan dan perundingan UiTM. Sesungguhnya, pameran seperti ini sudah tentu akan menaikkan imej dan kredibiliti UiTM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang unggul. Tahniah juga ditujukan kepada Pusat Pengajian Siswazah UiTM atau "The Centre for Graduate Studies" atas inisiatif untuk mengeluarkan sebuah buku yang berjudul "Our Intellectual Capital" sempena pameran "Insights 2002".

3. Saya yakin acara-acara seperti pameran ini akan memperkukuhkan lagi asas-asas sains dan teknologi negara. Saya ingin melihat lebih ramai para saintis dan ahli teknologi giat menjalankan penyelidikan dan pembangunan (r&d) di Malaysia, terutamanya di kalangan masyarakat sains dan teknologi bumiputera (MASTEB). Di dalam hal ini, saya berharap lebih ramai saintis dan ahli teknologi yang akan tampil ke hadapan untuk menerbitkan penemuan dan hasil kajian mereka agar dapat dikongsi bersama dengan pelbagai pihak yang berminat. sebenarnya, ilmu dan pengalaman yang dikongsi itu akan berganda dan bertambah nilainya, dan mampu melahirkan lebih ramai saintis dan ahli teknologi di dalam negara.

4. UiTM merupakan universiti yang terbesar di negara kita; malah dengan lebih daripada 110,000 orang pelajar, UiTM adalah IPT yang terbesar di rantau Asia-Pasifik. Menyingkap akan sejarah penubuhannya, matlamat UiTM (dahulunya ITM) adalah berlandaskan kepada objektif serampang dua mata dasar ekonomi baru, iaitu membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat. Kedua-dua objektif ini, pada pendapat saya, telah sedikit sebanyak dicapai oleh UiTM yang telah memainkan peranannya dengan baik. Namun, perjuangan kita masih panjang dan berliku. Hasrat kerajaan untuk menawarkan pendidikan tinggi serta kemahiran berbagai rupa kepada rakyat, khasnya golongan bumiputera dan anak bangsa, tetap akan diteruskan. Komitmen ini dapat dilihat dari segi perbelanjaan besar kerajaan untuk menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dan infrastruktur pendidikan yang moden serta serba lengkap. Komitmen ini mencerminkan kesedaran pihak kerajaan bahawa kemajuan dan pembangunan negara perlu dilandaskan kepada pelaburan dalam pendidikan demi untuk mewujudkan tenaga pekerja yang mahir dan terlatih, yang boleh diharapkan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi bangsa dan negara.

5. Saya masih ingat pada masa di mana akta ITM dipinda untuk itm wujud di bawah naungan Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1996 pula, akta itu dipinda sekali lagi bagi memberi karakter yang baru kepada ITM yang menyamai taraf sebuah universiti, walaupun ITM telah menawarkan kursus dan program pengajian diperingkat sarjana muda dan program profesional sejak tahun 1967 lagi. Detik yang paling bersejarah adalah apabila nama ITM bertukar menjadi Universiti Teknologi MARA. Ini telah diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada 26 haribulan Ogos, tahun 1999. Mulai detik itu, UiTM telah mengorak langkah mengatur strategi dan kini ianya wujud sebagai sebuah institusi yang membanggakan, dengan menawarkan 188 jenis program pengajian melalui 18 buah fakulti serta pusat-pusat kecemerlangan. Saya berharap UiTM akan terus mara ke hadapan menjadi sebuah universiti yang dihormati dan disegani, baik di dalam mahupun di luar negara.

6. Untuk makluman para hadirin sekalian, kerajaan telah baru- baru ini bersetuju untuk membangunkan kampus baru UiTM di Bandar Baru Puncak Alam, Shah Alam, Selangor. Sekiranya tiada sebarang halangan, kerja-kerja pembersihan tapak dan penanaman cerucuk akan bermula pada bulan Oktober ini. Kampus baru serba lengkap yang lebih dikenali sebagai "UiTM Shah Alam two" ini akan dibangunkan secara berperingkat berdasarkan kelompok bangunan mengikut satelit: iaitu satelit kampus A, satelit kampus B, dan satelit kampus C. Kawasan ketiga-tiga satelit seluas hampir 600 ekar ini akan merangkumi pembinaan 13 buah fakulti, termasuklah:

Fakulti Pengurusan Perniagaan; Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang; Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif; Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur; Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu; Fakulti Sains Gunaan; dan Fakulti Farmasi.

Manakala adalah dijangkakan fakulti perubatan juga akan wujud bersama sebuah hospital dan pusat kesihatan yang turut akan dibina di kampus baru tersebut.

7. Bukan itu sahaja, kerajaan juga telah bersetuju untuk membangunkan kampus cawangan terbaru UiTM, iaitu di Kuala Pilah. Kerja-kerja pembinaan cawangan tersebut akan bermula September ini. Manakala bangunan-bangunan baru asrama UiTM yang boleh menampung 7,000 orang pelajar kini separuh siap, sementara bangunan yang menempatkan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta Fakulti Kejuruteraan akan siap dibina pada penghujung tahun ini.

8. Kerajaan telah menunjukkan komitmennya untuk membangunkan UiTM. Apakah pula komitmen warga kampus UiTM terutama para pensyarah, para pentadbir, dan juga para siswa-siswi terhadap mewujudkan UiTM sebagai sebuah IPT yang unggul di rantau ini?. Saya kira warga UiTM perlu merenung sejenak dan bertanya pada diri sendiri apakah komitmen dan sumbangan mereka terhadap membangunkan dan mempertahankan UiTM?. Justeru itu, saya berharap semua pihak akan bertekad memainkan peranan masing- masing untuk mempertingkatkan lagi mutu dan hasil kerja UiTM. Jadilah golongan pencipta, pakar, dan pembentuk ilmu dan kemahiran baru - "creators of new knowledge and new skills for the 21st century" - agar kita dapat menangani era digital, era k-ekonomi, dan era globalisasi dengan berkesan. Jadikan UiTM antara institusi yang terulung dan terbaik di persada pendidikan dan penyelidikan serantau dan antarabangsa. Sesungguhnya, UiTM adalah lambang ketrampilan bumiputera dan kebanggaan rakyat Malaysia, dan ianya perlu terus dimartabatkan.

9. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi di atas penganjuran pameran "Insights 2002". Saya berharap lebih banyak aktiviti ilmiah seperti ini dapat dianjurkan oleh UiTM dan oleh IPT-IPT yang lain. Maka dengan harapan itu, dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Penyelidikan dan Kepakaran UiTM "Insights 2002" yang bertemakan "k-world. challenges, innovations, solutions".

Sekian, terima kasih.